

Headline	Buka minda wanita		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	16 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Selebriti	Circulation	314,321
Page No	B22	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	812 cm ²
Journalist	Shakilawati Abd Rahman	AdValue	RM 29,989
Frequency	Daily	PR Value	RM 89,967



>>Oleh SHAKILAWATI ABD RAHMAN
shakilawati@hmetro.com.my

AHAD lalu, aktor kakak Fahrin Ahmad berangkat ke Abu Dhabi bagi menayakan penggambaran drama Rindu Bertamu Di Abu Dhabi arahan Mazri Mustafa. Fahrin akan berkampung selama sebulan di Abu Dhabi untuk penggambaran drama rantaian 28 episod itu.

Pada masa sama, dia juga membintangi tiga telefilem di bawah terbitan syarikat produksi sama, Zeel Production. Usai menggalas tanggungjawab itu, Fahrin terikat pula dengan penggambaran filem Pilot Cafe arahan Osman Ali yang turut membariskan Izara Aishah dan Neelofa sebagai teraju utama.

"Alhamdulillah, tawaran berlakon kembali kencang. Saya sangat berbesar hati dengan kepercayaan diberikan pihak yang mengundang saya. Setakat ini, jadual saya penuh sehingga Mei depan.

"Selepas tamat penggambaran Rindu Bertamu di Abu Dhabi, saya ke set penggambaran Pilot Cafe pula dan disusuli dengan drama rantaian untuk slot Samarinda TV3. Saya gembira kerana dapat kembali bekerja dengan

Buka minda wanita

Osman selepas filem Puaka Tebing Biru.

"Tambah teruja, Pilot Cafe diangkat daripada novel garapan penulis terkenal, Ahadiat Akashah dan saya difahamkan jualan novel ini sama hebat atau mungkin lebih tinggi daripada Lagenda Budak Setan. Apabila ditawarkan, saya terus bersetuju kerana peluang sebegini bukan datang selalu.

"Saya juga terharu dengan kepercayaan diberikan Zeel Production, di mana saya menayakan empat karya

sepanjang sebulan di Abu Dhabi. Saya difahamkan, beberapa pelakon lagi akan menyusuli kami bagi menayakan tiga telefilem bersama saya, termasuk Rozita Che Wan," katanya yang turut memaklumkan, kontrak sebagai wajah Garnier dan Shell disambung lagi untuk tahun depan.

Jejaka yang aktif bermain bola sepak untuk Kelab Pasukan Artis Malaysia ini turut berkongsi rasa gembiranya apabila dapat terus menyumbang khidmat

Fahrin bongkar helah lelaki perdaya golongan Hawa dalam ceramah



bakti untuk badan bukan kerajaan, Majlis Aids Malaysia.

Jika sebelum ini dia tampil sebagai Selebriti Sokongan Riben Merah Yayasan Aids Malaysia untuk kempen dilancarkan badan NGO itu, berbeza untuk tahun keempat apabila terlibat sebagai tulang belakang penganjuran Malam Amal Tahajjud Cinta Bersama Datuk Siti Nurhaliza yang bakal berlangsung pada 30 Januari depan.

"Sampai masanya saya sumbangkan sesuatu yang lebih besar kepada badan ini. Menerusi penganjuran kutipan amal ini, saya menggalas tanggungjawab sebagai timbalan pengerusi.

"Menariknya dalam penganjuran kali ini, penaja utama adalah jenama tudung popular tempatan. Sebelum ini, penaja utamanya jenama atau korporat antarabangsa.

"Malam Amal Tahajjud Cinta Bersama Datuk Siti Nurhaliza eksklusif, di mana hanya ada

45 meja berharga daripada RM7,000 hingga RM40,000.

Pada malam itu nanti, persembahan Siti akan diiringi Mohram dan Aubrey Suwito.

"Tambah menarik, ia lebih berbentuk kerohanian. Kita sedia maklum, selama ini stigma negatif masyarakat Melayu dan Islam terhadap pesakit Aids sangat tebal. Kita mahu ubah persepsi itu," katanya seraya memaklumkan, jika berminat membuat tempahan meja boleh menghubungi Yayasan Aids Malaysia.

Jelas Fahrin, dalam pada sibuk dengan rutin kerjayanya, dia banyak menerima undangan memberi ceramah mengenai personaliti, penampilan serta keyakinan diri di Pusat Pengajian Tinggi (IPT), badan kerajaan serta swasta.

"Selain berbicara mengenai personaliti, saya berkolaborasi dengan penulis modul Perisai Buat Wanita, Airul Anuar Limin.

Menerusi modul ini, kami membongkar helah lelaki memperdayakan golongan Hawa.

"Kami mahu buka minda wanita supaya lebih berhati-hati bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa.

"Kita dapat lihat masalah gejala sosial semakin meningkat, malah ramai wanita melahirkan anak luar nikah, jadi keldai dadah dan macam-macam lagi gara-gara mereka terlalu mudah diperdayakan.

"Dengan adanya pendedahan ini, wanita akan lebih memahami permainan tipu daya lelaki," katanya yang dihubungi sebelum berlepas ke Abu Dhabi.

Rindu Bertamu Di Abu Dhabi turut dibintangi Tasha Shila, Fouziah Gous, Shahrizal Jaszle, Aiman Mentor, Datuk Rahim Razali dan Lidyawati. Ia dijadualkan untuk siaran slot Akasia menerusi TV3.